

## *Sulh*: Pengadilan Tanpa Perbicaraan Mahkamah dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran Kewangan Islam di Malaysia

*(Sulh: Justice Without Court Trial in Fulfilling the Needs of Islamic Finance in Malaysia)*

NUR KHALIDAH DAHLAN  
MOHD. RIZAL PALIL  
NOOR INAYAH YAAKUB  
MOHAMAD ABDUL HAMID

### ABSTRAK

Malaysia merupakan salah satu negara yang mengamalkan dua sistem ekonomi yang berbeza iaitu sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam dalam bidang perbankan. Kewujudan kedua-dua sistem kewangan ini dipraktikkan secara serentak di mana sistem perbankan yang biasa adalah berdasarkan sistem perbankan konvensional manakala sistem perbankan Islam berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Oleh hal yang demikian, artikel ini akan merujuk kepada kajian yang terdahulu mengenai perkembangan kewangan Islam, kes-kes mahkamah yang berkaitan dengan produk-produk perbankan Islam dan juga kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dalam menyelesaikan masalah terutamanya dalam aspek kewangan Islam. Perbincangan dalam artikel ini akan menumpukan ke arah menonjolkan undang-undang dan mekanisme-mekanisme penyelesaian kepada permasalahan berkaitan dengan produk kewangan Islam. Turut dititikberatkan apabila melakukan analisis terhadap kaedah analisis kandungan dokumen dan pemerhatian yang berdasarkan elemen tema dan konsep seperti kewangan Islam, perniagaan, budaya dan perilaku masyarakat terhadap kewangan Islam serta penyelesaian pertikaian alternatif bagi isu-isu dalam kewangan Islam. Antara penemuan-penemuan utama yang ditonjolkan dalam kajian ini adalah semua kes-kes yang berkaitan dengan kewangan Islam boleh diuruskan dan diselesaikan melalui kaedah sulh tanpa merujuk kepada sesuatu kriteria yang tertentu. Pelaksanaan kaedah sulh menekankan tempoh proses penyelesaian pertikaian yang singkat iaitu dalam tempoh masa 3 bulan. Proses penyelesaian pertikaian yang adil, telus dan mengikut persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat. Tiada kos dikenakan oleh mahkamah terhadap permohonan pihak-pihak yang terlibat berhubung dengan apa-apa prosiding sepanjang prosedur kerja sulh ini dilaksanakan. Akhir sekali, kaedah sulh ini walaupun kaedah penyelesaian pertikaian dalam Islam, ia boleh diguna pakai oleh pelbagai kaum dan agama tanpa prejudis bagi menyelesaikan kes-kes berkaitan dengan kewangan Islam.

*Kata kunci: Sulh; Mahkamah Muamalat; kewangan Islam; penyelesaian pertikaian alternative; Manual Kerja Sulh*

### ABSTRACT

Malaysia practices a dual economic system, particularly in the banking system, whereby conventional banking exists side-by-side with the Sharia-compliant, Islamic banking. The discussion in this article therefore will be directed towards highlighting the laws and mechanisms of solution in Islamic banking and its implication to enhance the application of Islamic banking laws regardless of ethnicity and religion, in order to maintain fairness and justice in a multi-ethnic society. The content analysis and observation method is used in analysing the related documents based on themes such as Islamic finance, business, culture and behaviour of Islamic finance as well as alternative dispute resolution for issues in Islamic finance. Among the major findings highlighted in this study is that all cases related to Islamic finance can be arranged and finalized by the Sulh method without reference to specific criteria. The Sulh method emphasize the implementation of the dispute resolution process within 3 months (a short period). It is considered as a fair, transparent of dispute resolution

*process based on mutual agreement between the parties involved. No cost is imposed by the court on the parties involved in relation to any proceedings during the procedure of sulh. Finally, Sulh is known as an Islamic method of dispute resolution, where it can be adopted by various races and religions without prejudice to resolve the cases related to Islamic finance.*

*Keywords: Sulh; Muamalat Court; Islamic finance; alternative dispute resolution; Manual Kerja Sulh*

## PENGENALAN

Pengadilan tanpa perbicaraan mahkamah telah lama diutarakan.<sup>1</sup> Beliau mengatakan bahawa mahkamah telah sesak; kelewatan dalam perbicaraan; kos yang tinggi; kekurangan para peguam; secara keseluruhan perundangan yang substantif iaitu perundangan yang traditional dan tidak terkini. Malahan Pound turut mengatakan terdapat perbezaan dalam penggunaan dan pengamalan perundangan di kalangan golongan berada atau miskin. Ini kerana pengamalan perundangan itu sendiri sering dikuasai oleh golongan berada untuk memihak kepada mereka. Jelas mengatakan bahawa keadilan dalam perundangan tidak menjanjikan konsep kesamarataan terhadap keseluruhan.

Oleh hal demikian, pengamalan terhadap peruntukan perundangan tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan golongan miskin. Menurut Pound, beliau membuat kesimpulan bahawa ‘batasan intrinsik kepada tindakan undang-undang yang berkesan; tidak semestinya menunjukkan setiap masalah sosial mempunyai penyelesaian perundangan’. Disebabkan itu, beliau telah mengutarakan dua konsep iaitu ‘pengadilan tanpa undang-undang’ (*justice without law*) dan ‘pengadilan mengikut undang-undang’. Proses pengadilan tanpa perbicaraan mahkamah merupakan salah satu kaedah bagi sesetengah pihak untuk memperoleh keputusan yang memihak kepada mereka.<sup>2</sup> Oleh itu, kemunculan kaedah alternatif kepada tindakan undang-undang, terutamanya perdamaian (*conciliation*) dan timbang tara (*arbitration*) telah berhasil kerana penyelesaian mengikut kaedah ini dapat mengurangkan rasa tidak puas hati antara pihak-pihak yang terlibat. Kedua-duanya telah disebut-sebut sebagai cepat, prosedur yang murah dan dapat mengelakkan kelewatan dalam tempoh perbicaraan yang akan mengakibatkan kos yang mahal untuk menghasilkan tindakan undang-undang.

Prosedur perdamaian (*conciliation*) adalah secara sukarela, yang bertujuan untuk menggalakkan orang yang bertelingkah untuk berkompromi dengan perbezaan yang dialami oleh mereka. Penghakiman bersandar sepenuhnya kepada persetujuan pihak-pihak; jika perdamaian gagal, pertikaian itu akan diselesaikan di mahkamah. Dalam erti kata lain, hakim membuat keputusan berdasarkan fakta dan situasi untuk menyelesaikan perbezaan pendapat dan cuba untuk membangkitkan perasaan kerjasama dan bertoleransi di kalangan mereka.

Bagi kaedah timbang tara (*arbitration*), Cohen<sup>3</sup> menegaskan bahawa menyediakan alternatif kepada penyelesaian pertikaian adalah perlu kerana dengan terdapat kekurangan dalam prosedur undang-undang dan peraturan yang digubal oleh kerajaan. Beliau merujuk kepada perjanjian antara pihak swasta dan disokong oleh undang-undang kontrak, sebagai kunci kepada keharmonian dalam ekonomi. Satu perjanjian yang mengikat adalah untuk menimbang tara pertikaian masa depan, undang-undang boleh dikuatkuasakan seperti mana-mana kontrak yang lain, berjanji untuk melindungi peraturan-peraturan persendirian daripada kawalan kerajaan dan untuk mengurangkan menggunakan kaedah penyelesaian pertikaian perniagaan melalui mahkamah. Namun, pada masa yang sama perundangan yang baharu memberikan peluang kepada parti-parti untuk menyelesaikan pertikaian mereka di luar kuasa

mahkamah. Hasilnya, kaedah timbang tara (*arbitration*) turut diiktiraf sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif. Namun begitu, ia masih diletakkan di bawah penyeliaan mahkamah dan kuasa membuat keputusan masih diberi oleh pihak kehakiman sekiranya pertikaian tersebut tidak mendapat penyelesaian yang sepakat.

Pengamalan penyelesaian pertikaian alternatif turut disokong oleh Auerbach<sup>4</sup>. Menurut beliau, perundangan tidak boleh sama sekali menyekat mana-mana kaedah penyelesaian pertikaian secara alternatif. Begitu juga kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian secara alternatif seperti kaedah timbang tara, perdamaian dan pengantaraan sama sekali tidak akan bertindih bidang kuasanya dengan keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah. Sekiranya pihak-pihak yang terlibat masih tidak dapat menyelesaikan pertikaian yang dialami mereka, mereka boleh membawa pertikaian tersebut ke mahkamah.

Tambahan pula Auerbach turut berpendapat bahawa kaedah penyelesaian pertikaian alternatif seperti kaedah timbang tara atau kaedah pengantaraan akan berkembang kerana keinginan untuk membentuk suatu pengadilan di luar mahkamah akan sentiasa wujud. Seperti mana perubahan dalam masa dan perubahan terhadap kepentingan aspek sosial, keadaan-keadaan yang tertentu akan mewujudkan ruang bagi kaedah 'pengadilan tanpa perbicaraan mahkamah' ini untuk berkembang.<sup>5</sup>

*Alternative dispute resolution* atau penyelesaian pertikaian alternatif (PPA) diterangkan sebagai cara alternatif yang lain selain melalui perbicaraan di mahkamah untuk menyelesaikan masalah-masalah parti-parti yang terlibat. Antara contoh-contoh PPA yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah adalah timbang tara/tahkim (*arbitration*), pengantaraan (*mediation*), perdamaian (*conciliation*), kepakaran pakar dan *sulh* (perbincangan, pengantaraan/perdamaian). Oleh hal yang demikian, kaedah perundangan alternatif (tanpa melalui perbicaraan di mahkamah) merupakan salah satu langkah yang boleh diaplikasikan dalam menyelesaikan pertikaian dalam sistem kewangan Islam. Ini kerana konsep utama yang diterapkan dalam sistem kewangan Islam itu adalah memenuhi keperluan semua pihak tanpa mengira kaum atau agama sejajar dengan matlamat yang diaplikasikan oleh kaedah penyelesaian pertikaian alternatif.

#### PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BAGI PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF DALAM MENYELESAIKAN PERTIKAIAN BERKAITAN DENGAN KEWANGAN ISLAM

Rangka kerja pengawalseliaan di Malaysia menyediakan dua mekanisme untuk penyelesaian pertikaian dalam perbankan Islam iaitu litigasi dan timbang tara yang diperuntukkan dalam Seksyen 56 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Seksyen ini menyatakan bahawa prosiding yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam boleh dibuat melalui mahkamah dan kaedah timbang tara tetapi tertakluk pada rujukan yang dibuat kepada Majlis Penasihat Syariah.<sup>6</sup> Malah dengan merujuk kepada keputusan kes Bank Islam Malaysia Bhd lwn Adnan bin Omar<sup>7</sup>, mana-mana pihak boleh memilih untuk menyelesaikan pertikaian kewangan Islam dengan merujuk kaedah timbang tara atau pengantaraan dengan syarat peruntukan sedemikian perlulah dimasukkan dalam perjanjian.<sup>8</sup> Dalam kaedah timbang tara atau pengantaraan, pihak-pihak terlibat mempunyai hak untuk memilih penimbang tara atau perantara yang pakar dalam kewangan Islam untuk menyelesaikan kes tersebut. Keputusan penimbang tara adalah muktamad dan tidak perlu merujuk mahkamah.<sup>9</sup>

## AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

Berikut adalah peruntukan perundangan yang menerangkan bahawa penyelesaian pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat boleh juga melalui kaedah PPA iaitu seperti kaedah timbang tara:

Rujukan di bawah perintah mahkamah

24A. (1) Mahkamah Tinggi boleh merujuk apa-apa soal yang berbangkit dalam mana-mana klausa atau perkara, selain sesuatu prosiding jenayah oleh pendakwa raya, bagi siasatan atau laporan kepada mana-mana referi khas. Laporan seseorang referi khas boleh diterima pakai keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Mahkamah Tinggi dan dikuatkuasakan sebagai suatu dekri, penghakiman atau perintah yang memberikan kesan yang sama.

(2) dalam apa-apa klausa atau perkara selain sesuatu prosiding jenayah oleh pendakwa raya

- (a) jika semua pihak berkepentingan yang tidak menanggung ketidakupayaan bersetuju;
- (b) jika klausa atau perkara itu menghendaki apa-apa pemeriksaan dokumen yang berpanjangan atau apa-apa penyiasatan saintifik atau tempatan yang, pada pendapat Mahkamah Tinggi, tidak dapat dijalankan dengan mudah oleh mahkamah itu melalui pegawai biasanya; atau
- (c) jika soal yang dipertikaikan itu terdiri, keseluruhannya atau sebahagiannya, daripada perkara akaun,

Mahkamah Tinggi boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya seluruh klausa atau perkara itu atau apa-apa soal atau persoalan fakta yang berbangkit dalam klausa atau perkara itu dibicarakan di hadapan seorang referi khas atau penimbang tara yang dipersetujui masing-masingnya oleh pihak itu atau di hadapan seorang pegawai mahkamah itu.

(3) (a) Dalam segala hal, rujukan kepada seseorang referi khas atau penimbang tara di bawah sesuatu perintah Mahkamah Tinggi dalam apa-apa klausa atau perkara, referi khas atau penimbang tara itu hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai mahkamah yang mempunyai kuasa dan hendaklah menjalankan rujukan itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, dan tertakluk kepada yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi. (b) Laporan atau *award* mana-mana referi khas atau penimbang tara atas apa-apa rujukan itu hendaklah, melainkan jika diketepikan oleh Mahkamah Tinggi, menjadi setara dengan dekri, penghakiman atau perintah mahkamah itu. (c) Saraan yang hendaklah dibayar kepada mana-mana referi khas atau penimbang tara yang kepadanya apa-apa perkara dirujuk di bawah perintah Mahkamah Tinggi hendaklah ditentukan oleh mahkamah itu.

(4) Mahkamah Tinggi hendaklah, tentang rujukan di bawah perintah mahkamah, mempunyai segala kuasa yang diberikan oleh Akta Timbang Tara 1952 [Akta 93] kepada Mahkamah Tinggi tentang rujukan dengan persetujuan di luar mahkamah.

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, jika terdapat sesuatu kemusykilan berkaitan dengan isu fakta yang bercampur aduk dengan undang-undang, pihak mahkamah dengan kuasa budi bicaranya boleh memerintahkan isu itu ditangguhkan bagi pihak mahkamah dan merujuk perkara itu kepada referi khas atau penimbang tara sepertimana yang termaktub di dalam seksyen 24A (1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Mahkamah Tinggi berkuasa untuk memutuskan apabila sesuatu perkara yang tidak mendapat persetujuan bersama oleh semua pihak untuk dibicarakan di hadapan referi khas atau seseorang penimbang tara yang dipersetujui oleh semua pihak yang terlibat.<sup>10</sup> Selain itu, jika terdapat perkara-perkara yang perlu diperiksa dalam sesuatu dokumen atau pemeriksaan yang lebih teliti perlu dilakukan dan tidak dapat dijalankan dengan mudah oleh pihak mahkamah, maka pihak-pihak yang terlibat akan dirujuk kepada kaedah penyelesaian pertikaian alternatif.<sup>11</sup> Ini turut termasuk soal-soal yang berkaitan dengan keseluruhan, sebahagian dokumen ataupun berkaitan dengan dokumen akaun.<sup>12</sup>

Apabila merujuk kepada peruntukan perundangan,<sup>13</sup> pihak-pihak yang terlibat boleh melalui kaedah penyelesaian pertikaian alternatif untuk menyelesaikan pertikaian mereka dan selepas proses itu, laporan referi khas akan dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Laporan referi khas (iaitu daripada pengadil khas, penimbang tara atau pegawai mahkamah) adalah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, dan tertakluk kepada yang diarahkan oleh Mahkamah Tinggi. Selain itu, sebarang rujukan hendaklah, melainkan jika diketepikan oleh Mahkamah Tinggi, menjadi setara dengan dekri, penghakiman atau perintah Mahkamah itu.

Isu-isu undang-undang dan fakta yang boleh diletakkan dalam bidang pengadil khas, penimbang tara atau pegawai mahkamah adalah perkara-perkara yang di mana pihak hakim berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dicapai oleh semua pihak yang terlibat. Pegawai mahkamah di sini ditakrifkan sebagai seseorang pendaftar atau hakim mahkamah rendah dengan syarat mereka mempunyai syarat-syarat kelayakan akademik dan pengetahuan yang mendalam berkaitan perkara tersebut.

Pegawai *sulh* juga merupakan pegawai mahkamah iaitu pegawai yang dilantik oleh Jabatan Kehakiman Syariah untuk bertugas di Mahkamah Syariah bagi membantu menyelesaikan pertikaian. Menurut kelayakan perlantikan seseorang pegawai *sulh* dalam Kaedah-kaedah Mal (*Sulh*) Selangor 2001 dan Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991, seseorang pegawai *sulh* mestilah memiliki kelulusan dalam bidang pengajian Islam dan satu kelayakan tambahan iaitu Diploma Pentadbiran Kehakiman. Justifikasi jawatan yang disediakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dengan jelas menyatakan bahawa antara tanggungjawab pegawai *sulh* ialah membantu Pendaftar dalam menjalankan kaunseling atau *sulh*, melaksanakan kerja-kerja *sulh* mengikut kaedah *sulh* dan menyediakan laporan kaunseling atau *sulh* atau jawatankuasa pendamai untuk dikemukakan kepada Hakim Bicara.

Tambahan pula, seseorang pegawai *sulh* yang berpengalaman sahaja akan mengetuai suatu sesi perundingan dan ia akan dilakukan secara sukarela bagi mencapai penyelesaian berasaskan persetujuan kedua-dua pihak. Pegawai *sulh* yang berpengalaman ini sudah mempunyai kemahiran komunikasi seperti psikologi dan kaunseling, serta kemahiran dalam bidang undang-undang sivil yang berkaitan dengan tuntutan-tuntutan harta.

Maka boleh disimpulkan di sini bahawa pegawai *sulh* juga boleh diiktiraf sebagai pegawai mahkamah atau referi khas. Kaedah *sulh* ini turut diiktiraf sebagai salah satu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif di Malaysia. Kaedah ini mempunyai pendekatan yang digunakan dalam menyelesaikan pertikaian sosial sama ada pertikaian secara individu atau majoriti berdasarkan nilai-nilai Islam yang amat menitikberatkan sikap tolak ansur dalam hubungan sosial.

#### PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF : *SULH*

Menurut Raihanah Azahari,<sup>14</sup> *Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah* menerangkan *sulh* sebagai akad yang menamatkan pertikaian secara sukarela dan redha meredhai. Salleh Buang<sup>15</sup> pula menerangkan bahawa *sulh* dalam terma yang lain adalah kaedah pengantaraan. Kaedah pengantaraan boleh didefinisikan sebagai “proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai”. Ini bermakna kaedah pengantaraan merupakan ‘perundingan

secara terpimpin' (*assisted negotiation*) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator.

Rasulullah telah menunjukkan sifat keterbukaannya terhadap kaedah *sulh* sebagai salah satu cara lain untuk menyelesaikan permasalahan seperti yang terdapat di dalam ayat Al-Quran yang dipetik di atas. Dalam salah satu hadis yang dilaporkan dalam sahih al-Bukhari baginda dilaporkan bersabda:

Barang siapa yang mengada-adakan di dalam urusan kami (iaitu di dalam perkara berkaitan agama) apa-apa yang tidak ada padanya, maka tertolaklah ia.<sup>16</sup>

Rasulullah menyokong teguh kaedah *sulh* walaupun terdapat tentangan. Ini dilaporkan dalam Hadith riwayat Ibn Hibban:

Perdamaian (*sulh*) atau kompromi adalah perkara harus antara orang-orang Islam, kecuali *sulh* untuk menghalalkan perkara haram atau mengharamkan perkara halal.

Penggunaan kaedah *sulh* di mahkamah syariah telah pun dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Manual *Sulh* telah diterbitkan pada 2002. Manual *Sulh* ini mengandungi prosedur-prosedur kaedah pengantaraan, perdamaian dan juga kerangka tata kelakuan (*code of conduct*) bagi pegawai-pegawai kehakiman yang menjalankan *sulh*.

Satu-satunya peraturan mentadbir *Sulh* dalam undang-undang Islam adalah bahawa tidak ada kompromi dalam peraturan mentadbir *sulh* dan undang-undang Islam adalah aspek huquq Allah (Hak Allah) yang termasuk hukuman hudud, zakat, kafarah, dan lain-lain. Sebarang usaha untuk memintas peruntukan yang ditetapkan ini melalui penyelesaian bersama adalah berdosa dan tidak sah. Walau bagaimanapun, dalam Huquq Il Abad (hak manusia), berkompromi dan perdamaian adalah digalakkan dalam pengamalan kaedah tersebut selagi ia adalah adil dan saksama serta tidak melanggar mana-mana peruntukan syariah. Sesuatu pertikaian yang telah dibawa ke mahkamah hendaklah dibawa berunding oleh pihak hakim/kadi sehingga mencapai persetujuan bersama iaitu sama seperti kaedah *sulh*. Terdapat ijma (kesepakatan) para ulama Islam mengatakan bahawa kaedah bertolak ansur adalah lebih baik kerana ia merupakan kaedah penyelesaian pertikaian ditentukan dengan cara yang betul.<sup>17</sup>

*Sulh* adalah satu istilah dalam perundangan Islam yang bermaksud perdamaian, atau pemberhentian pertikaian atau perselisihan dan perbalahan. Berdasarkan perundangan Islam, *sulh* merupakan kaedah untuk menamatkan atau mengelakkan pertikaian berdasarkan perundangan atau mengambil tindakan undang-undang (saman) antara dua pihak yang terlibat.<sup>18</sup> Amalan tradisional *sulh* yang diamalkan di negeri Selangor dalam sistem mahkamah syariah adalah sebenarnya berdasarkan kaedah pengantaraan yang dirujuk dalam mahkamah (*court-annexed mediation*).<sup>19</sup>

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan kaedah-kaedah pengantaraan dan *tahkim* yang diamalkan di Malaysia hanya bertumpu kepada pertikaian dalam hal-hal keluarga di Mahkamah Syariah. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperkenalkan rangka kerja bagi hakam dan jawatankuasa pendamai itu. Begitu juga kaedah *sulh* yang telah diperkenalkan pada tahun 1990-an di Mahkamah Syariah Malaysia tetapi amalan itu hanya boleh diterima pakai setelah kes-kes tersebut didaftarkan dan dirujuk kepada pengerusi Majlis *Sulh* pada 2002. Kaedah *sulh* dan kaedah hakam digunakan dalam pertikaian perundangan keluarga Islam yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.<sup>20</sup>

## MAJLIS *SULH* DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), peruntukan *sulh* di mahkamah syariah dinyatakan dalam kaedah yang diluluskan kebanyakan negeri dan wilayah secara berperingkat. Antaranya Kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 yang diwartakan pada 20 Disember 2001 dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2001; Kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2004 diwartakan pada 8 Januari 2004 dan mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama; Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) 2004 (Melaka) diwartakan pada 12 Februari 2004 dan mula kuat kuasa pada 15 Februari 2004; dan Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (*Sulh*) Johor 2004 pula diwartakan pada 12 Ogos 2004 dan mula kuat kuasa pada 1 September 2004. Kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Mahkamah Syariah Pulau Pinang 2006 diwartakan pada 22 Jun 2006 dan mula kuat kuasa pada 22 Jun 2006. Akhir sekali Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah Pahang (*Sulh*) 2005 diwartakan pada 7 Julai 2005.<sup>21</sup>

Sebilangan mahkamah syariah di Malaysia mempunyai kaedah *sulh* yang hampir serupa pengamalannya ketika kendalian Majlis *Sulh*. *Sulh* di mahkamah syariah bernasib baik kerana pelaksanaannya mendapat sokongan sepenuhnya daripada badan perundangan, dan ruang untuk berbincang melalui *sulh* diberi pada mana-mana bahagian dalam prosiding. Malah dalam Arahan Amalan JKSM (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia) 1/2001 berkenaan Kod Etika Hakim secara jelas menyatakan antara etika Hakim semasa dalam mahkamah adalah menggalakkan *sulh*, arahan tersebut berbunyi:

(j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara *Sulh* dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;

Berdasarkan Mohamad Ridzuan Zainudin<sup>22</sup>, Kaedah-kaedah *Sulh* yang dinyatakan pihak JKSM dan JKSN (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Wilayah) sentiasa mengeluarkan Arahan-arahan atau Pekeliling yang menunjukkan prosedur atau polisi tertentu untuk digunakan atau menjelaskan yang kabur atau tidak ada dalam Kaedah-kaedah Tatacara Mal. Arahan-arahan ini penting untuk dilaksanakan bagi negeri yang belum mempunyai Kaedah-Kaedah *Sulh*.

## MAJLIS *SULH* DAN MANUAL KERJA *SULH*

Menurut Su'aida Safei<sup>23</sup>, Majlis *Sulh* merupakan sebahagian prosedur dalam Mahkamah Syariah di negeri Selangor berdasarkan seksyen 99 dalam Enakmen 2003. Majlis *Sulh* boleh dilakukan di mana-mana peringkat prosiding sama ada di Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah di negeri Selangor. Namun begitu, kes tersebut hendaklah difailkan di mana-mana mahkamah sebelum melalui proses Majlis *Sulh*. Proses pelaksanaan Majlis *Sulh* adalah seperti yang diperuntukkan dalam Manual Kerja *Sulh*.

Manual Kerja *Sulh* telah dikeluarkan dalam Pekeliling Ketua Hakim Mahkamah Syariah Selangor 1/2002, diringkaskan isi kandungan setiap proses berdasarkan huraian di dalam Manual tersebut adalah:

Manual Kerja *Sulh* menerangkan secara keseluruhan proses Majlis *Sulh*. Bab 1 merupakan pengenalan kepada manual kerja ini. Bab 2 pula menerangkan objektif manual kerja sulh iaitu bagi melaksanakan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 maka diperbuat di bawah ini Manual Kerja *Sulh* untuk diguna pakai dan dipatuhi oleh Pegawai *Sulh*. Bab 3, Manual Kerja Sulh merupakan sama seperti tahap pra-pengantaraan di MMC iaitu Kenyataan Awal (*Al Ta'arruf*) Pegawai Sulh. Bab 3 turut menerangkan peraturan-peraturan yang terdapat dalam Majlis *Sulh*. Seterusnya adalah Bab 4 dan Bab 5 iaitu mengenal pasti isu yang dipertikaikan, agenda, pengesahan, pencerahan dan penyiasatan tentang perkara tersebut. Untuk Bab 6, terdapat peringkat kaukus yang diamalkan oleh Pegawai *Sulh* dalam Majlis *Sulh*. Bab 7 pula merupakan fasa perundingan bersama iaitu selepas pertemuan sebelah pihak (*kaukus*). Bab 8, Manual Kerja *Sulh* merupakan peringkat penghakiman melalui penyelesaian. Sekiranya penyelesaian sepenuhnya tidak dicapai tetapi kedua-dua pihak bersetuju untuk menyelesaikan sebahagian sahaja pertikaian mereka, perkara ini akan merujuk kepada Bab 9. Akhir sekali, segala maklumat atau perkara yang dibangkitkan dalam Majlis *Sulh* akan dirahsiakan berdasarkan Bab 10.

### KEBERKESANAN PERLAKSANAAN *SULH*

Secara umumnya, kaedah penyelesaian melalui konsep *Sulh* telah menunjukkan kesan yang positif. Kajian Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada tahun 2002 mendapati kaedah ini berjaya mengurangkan hampir 65 peratus kes di mahkamah syariah Selangor sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2001.<sup>24</sup>

Dalam konteks negeri Selangor, berdasarkan Tuan Nurul Azhar Toha<sup>25</sup> statistik kes *Sulh* dari Mei 2002 sehingga Januari 2009 adalah sebanyak 12,025 kes berdaftar. 7,230 kes berjaya diselesaikan dan 4,597 kes gagal dan diteruskan dengan perbicaraan, manakala selebihnya masih dalam proses. Secara purata, bilangan kes *Sulh* di JAKESS adalah sebanyak 1781 kes setiap tahun. Mahkamah paling tinggi peratusan berjaya adalah Mahkamah Rendah Syariah Sabak Bernam sebanyak 81%, Kuala Langat 79% dan Klang 77%. Dalam lingkungan 6 tahun 9 bulan *sulh* dilaksanakan di Selangor, pencapaian *sulh* berjaya tidak pernah kurang dari 60%.<sup>26</sup> Berikut adalah statistik keseluruhan kes *sulh* negeri Selangor dari Mei 2002-Mei 2005:

JADUAL 1. Statistik keseluruhan kes *sulh* negeri Selangor (Mei 2002-Mei 2005)

Mahkamah	Daftar	Berjaya	Bicara	Tangguh
<b>Mahkamah Tinggi</b>	902	342	497	63
<b>Mahkamah Rendah</b>	4420	3249	1090	81
<b>Jumlah</b>	5322	3591	1587	144
<b>Peratus</b>	100%	67%	30%	3%

Sumber: Siti Noraini Mohd Ali & Zulkifli Hasan 2006

Siti Noraini Mohd Ali dan Zulkifli Hasan<sup>27</sup> menerangkan bahawa statistik di atas menunjukkan keberkesanan penyelesaian melalui kaedah *sulh* di Selangor. Peratusan tinggi kes berjaya diselesaikan iaitu 67 peratus daripada keseluruhan kes yang didaftarkan menggambarkan bahawa kaedah ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat.



Menurut Oseni<sup>28</sup> pula turut berpendapat bahawa apa-apa pertikaian adalah lebih baik diselesaikan melalui rundingan persendirian yang dipengerusikan oleh pihak ketiga dalam sesi pengantaraan. Kes yang sesuai untuk diselesaikan melalui kaedah ini adalah kes-kes yang melibatkan pengurusan harta-harta *wakaf* bukannya melalui pengisytiharan oleh mahkamah. Kaedah pengantaraan dalam perundangan syariah melibatkan tindakan secara berkompromi, iaitu demonstrasi secara praktikal dengan inisiatif memberi dan menerima (*give-and-take initiative*). Apabila pihak yang terlibat menimbangkan pilihan untuk memilih kaedah *sulh*, ia bukan merupakan langkah yang sukar untuk diteruskan.


Inisiatif untuk mewujudkan sistem PPA bagi membantu mempercepat dan mengurangkan kes-kes tertunggak mendorong kepada pelaksanaan *sulh* di mahkamah syariah. Idea ini turut didorong oleh pelaksanaan sistem kaedah pengantaraan yang diamalkan di negara lain yang diakui keberkesanannya (Oseni 2012). *Sulh* dan kaedah pengantaraan walaupun mempunyai nama yang berbeza tetapi maksud dan objektifnya adalah sama, menyelesaikan pertikaian pihak-pihak dengan mengikat perjanjian persefahaman. '*Sulh*' atau 'Majlis *Sulh*' adalah merujuk kepada amalan *sulh* yang dilaksanakan di mahkamah syariah.

#### ANALISIS DATA KAJIAN MENERUSI KAEDAH ANALISIS KANDUNGAN DOKUMEN (*CONTENT ANALYSIS*) & KAEDAH PEMERHATIAN

Untuk mengenal pasti pemakaian *sulh* di dalam pertikaian produk-produk kewangan Islam, kaedah analisis kandungan dokumen berserta kaedah pemerhatian telah digunakan dalam menganalisis laporan-laporan kes mahkamah berikut. Laporan analisis data kajian yang pertama adalah bertumpu kepada laporan-laporan kes mahkamah sivil.

Mahkamah-mahkamah sivil sering dilihat menyelesaikan kes-kes yang melibatkan kewangan Islam khususnya produk perbankan Islam.<sup>29</sup> Dengan merujuk kepada Laporan Tahunan Jabatan Kehakiman Malaysia, statistik bilangan kes-kes mahkamah yang berkaitan dengan produk perbankan Islam dari tahun 2003 hingga 2014 adalah sebanyak 8211 kes dan sebanyak 8147 kes telah berjaya diselesaikan oleh pihak mahkamah. Hanya 118 kes sahaja dikatakan tidak berjaya diselesaikan. Statistik di bawah adalah merujuk kepada kes-kes daripada Mahkamah Muamalat, Kuala Lumpur. Pemilihan kes-kes mahkamah daripada Mahkamah Muamalat Kuala Lumpur adalah berdasarkan pengalamannya selama 5 tahun (2009-2014) dalam menjalankan perbicaraan berkaitan dengan produk kewangan Islam khususnya perbankan Islam (bawah Bahagian Dagang – *Commercial Division*). Berdasarkan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003, hanya Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dibenarkan untuk mengendalikan kes kewangan Islam. Keadaan ini menjelaskan bahawa tiada divisyen Mahkamah Muamalat seperti itu pada peringkat negeri.<sup>30</sup>

Peningkatan bilangan kes-kes yang melibatkan kewangan Islam dapat dilihat di Rajah 1 berikut:<sup>31</sup>




RAJAH 1. Statistik Kes-Kes Mahkamah Berkaitan dengan Produk Perbankan Islam (2003-2014)

Namun begitu, prosedur-prosedur dalam Mahkamah Mualamat tidak banyak berbeza dengan mahkamah yang lain (di bawah Bahagian Dagang, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur). Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah tidak memberikan sebarang prosedur yang khusus untuk mengendalikan kes-kes berkaitan dengan produk kewangan Islam.<sup>32</sup> Bagi pemilihan hakim-hakim di Mahkamah Mualamat, tiada syarat yang dikenakan kepada para hakim iaitu mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap undang-undang perbankan dan kewangan Islam. Malah berdasarkan Tun Ariffin Zakaria<sup>33</sup>, disebabkan tiada hakim pakar yang terlatih dalam perbankan atau kewangan Islam maka digalakkan segala pertikaian kewangan Islam untuk dirujuk kepada kaedah penyelesaian pertikaian alternatif. Oleh hal yang demikian, pihak-pihak yang terlibat boleh mempertimbangkan prosedur penyelesaian melalui penyelesaian pertikaian alternatif. Contohnya, penyelesaian melalui kaedah *sulh*.

Laporan analisis data kajian yang kedua pula bertumpu kepada laporan-laporan kes *sulh*. Bagi meneliti kes-kes yang diselesaikan melalui Majlis *Sulh*, kes dirujuk kepada Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. Bilangan-bilangan kes yang berdaftar melalui Majlis *Sulh* atau kaedah *Sulh* adalah sebanyak 4232 kes pada tahun 2009, 5039 kes pada tahun 2010 dan sebanyak 5045 kes pula pada tahun 2011. Pada tahun 2012, bilangan kes yang berdaftar telah berkurangan sebanyak 4161 kes berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 5045 kes. Namun begitu pada tahun 2013, bilangan kes semakin meningkat iaitu 4729 kes. Data-data yang dipilih untuk dianalisis adalah dari tahun 2009 hingga 2013. Statistik bilangan kes ini adalah selari dengan peningkatan penyelesaian kes-kes di Mahkamah Mualamat khususnya bagi produk perbankan Islam di Malaysia.

Statistik Kes-kes *Sulh* di Negeri Selangor (2009-2014) dapat dilihat di Rajah 2 berikut:



RAJAH 2. Statistik Kes-Kes *Sulh* di Negeri Selangor (2009-2014)

Secara kesimpulannya, kaedah pemerhatian ini menunjukkan bahawa kes-kes yang berjaya diselesaikan oleh pihak JKSM (melalui kaedah majlis *Sulh*) adalah efektif walaupun terdapat insiden-insiden negatif berlaku (seperti pihak-pihak yang terlibat bergaduh sambil menjerit-jerit antara satu sama lain). Kebanyakan Majlis *Sulh* yang dijalankan akan memperoleh keputusan yang memenuhi kehendak semua parti yang terlibat. Ini adalah hasil daripada kepakaran pegawai-pegawai *sulh* dalam mempraktikkan dan mengawal selok belok perbincangan tersebut sehingga mencapai penyelesaian yang berjaya, harmoni dan saksama. Akhir sekali, keputusan empirikal kajian ini telah membuktikan kebenaran kenyataan oleh Raihanah Azahari<sup>34</sup> yang berpendapat bahawa “Dalam konteks semasa, kesesuaian *sulh* untuk menangani kes-kes pertikaian (keluarga) adalah sesuatu yang relevan dan praktikal khususnya apabila kaedah perbicaraan mahkamah telah menimbulkan masalah (iaitu memperoleh keputusan yang hanya berpihak kepada salah satu pihak sahaja) dan seterusnya memberi kesan terhadap pihak-pihak yang terlibat”.<sup>35</sup>

Impak positif pelaksanaan *sulh* telah diperjelaskan oleh Sharifah Zaleha<sup>36</sup> di mana kajian beliau mendapati lazimnya kes perceraian dapat diselesaikan melalui kaedah *sulh* iaitu dengan tiga kali kehadiran mahkamah dan memakan masa lebih kurang lapan bulan lamanya. Kajian Raihanah Azahari<sup>37</sup> di mahkamah syariah negeri Perlis menjelaskan kebanyakan kes yang telah melalui kaedah *Sulh* akan dapat diselesaikan dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan dengan dua atau tiga kali hadir ke mahkamah syariah. Seterusnya kajian Nik Roslina Raja Ismail<sup>38</sup> menyatakan secara puratanya mahkamah syariah hanya mengambil selama enam bulan setengah sahaja bagi menyelesaikan kes-kes perceraian. Walau bagaimanapun ini bergantung pada beberapa faktor seperti kehadiran pihak-pihak yang terlibat dalam tuntutan tersebut.

Cadangan Manual Kerja *Sulh* bagi bidang kewangan Islam ini diwujudkan adalah bagi membuktikan bahawa sesuatu pertikaian berkaitan dengan kewangan Islam boleh diselesaikan melalui kaedah *sulh* tanpa melalui proses perbicaraan di mahkamah. Cadangan Manual Kerja *Sulh* bagi bidang kewangan Islam ini adalah adaptasi daripada peruntukan dalam Manual Kerja *Sulh* yang diterbitkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Terdapat beberapa pindaan dan penambahan yang telah disertakan ke dalam cadangan Manual Kerja *Sulh* bagi bidang kewangan Islam ini. Antaranya penambahan terhadap Bab Tiga - Definisi. Selain itu pindaan terhadap Bab Lima - Pembentangan Awal Pihak Yang Bertikai iaitu pegawai *sulh* hendaklah juga mengenal pasti sebab konflik itu timbul, halangan yang ada atau dirasakan ada kepada penyelesaian dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai penyelesaian *berdasarkan pakar-pakar daripada Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara*. Pindaan di Bab Tujuh – Pertemuan Sebelah Pihak (Kaukus) iaitu jika mana-mana pihak tidak mampu mengemukakan kesnya secara jelas kerana sebab-sebab tertentu seperti tidak cukup maklumat, tidak memahami secara jelas perjanjian yang telah dibuat, tidak mahir berkomunikasi atau ada kekurangan tertentu, pegawai *sulh* hendaklah bertindak sewajarnya untuk menyeimbangkan keadaan.

Berikutan itu, untuk membuktikan kebenaran gambaran kaedah *sulh* dapat menyelesaikan pertikaian yang berkaitan dengan kewangan Islam, kajian ini melakukan simulasi kes mahkamah yang diadaptasikan dalam menyelesaikan pertikaian menggunakan kaedah *sulh*. Kes mahkamah yang dipilih untuk dilakukan simulasi ini adalah kes *Bank Islam Malaysia Bhd v Lim Kok Hoe & lain-lain*.<sup>39</sup> Pemilihan kes mahkamah ini adalah berdasarkan produk-produk perbankan Islam yang menjadi tumpuan pengguna-pengguna di Malaysia iaitu produk Bai Bithaman Ajil.

Kes *Bank Islam Malaysia Bhd v Lim Kok Hoe & lain-lain* merupakan kes yang diselesaikan melalui proses mahkamah. Kes mahkamah ini telah mengambil masa selama 15 tahun untuk memfailkan dan menyelesaikan tuntutan sivil mereka sehingga ke peringkat Mahkamah Rayuan. Pihak-pihak yang terlibat dalam kes ini telah memfailkan tuntutan sivil mereka ke mahkamah tinggi pada tahun 1994 dan kemudian memfailkan kembali tuntutan sivil mereka ke mahkamah rayuan pada 2008. Penyelesaian bagi pertikaian mereka itu diperoleh pada tahun 2009. Kes ini melibatkan produk perbankan Islam iaitu Bai Bithaman Ajil. Jadual di bawah merupakan simulasi kes mahkamah yang menggambarkan persekitaran yang sama jika kes tersebut diselesaikan melalui keadah *sulh*.

JADUAL 2. Simulasi Kes *Sulh* menggunakan Kes Mahkamah (Produk Bai Bithaman Ajil)

Cadangan Manual Kerja <i>Sulh</i> bagi bidang Kewangan Islam	<i>Simulasi menggunakan kes Bank Islam Malaysia Bhd v Lim Kok Hoe &amp; lain-lain (2009)</i>
<p>Cadangan proses pelaksanaan majlis <i>Sulh</i> bagi bidang Kewangan Islam adalah seperti berikut:  Diringkaskan isi kandungan setiap proses berdasarkan huraian yang terkandung di dalam Manual Kerja <i>Sulh</i> Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri seluruh Malaysia:</p> <p><b>BAB 1 - PERMULAAN</b>  Manual Kerja ini bertujuan menjelaskan dan menyeragamkan prosedur yang perlu diikuti oleh semua Pegawai <i>Sulh</i> dalam mengendalikan Majlis <i>Sulh</i> bagi bidang Kewangan Islam.</p>	<i>Simulasi menggunakan kes Lim Kok Hoe v Bank Islam Malaysia Berhad (1994) dalam menyelesaikan permasalahan kes ini mengikut Kaedah / Majlis Sulh. Sama seperti Cadangan Manual Kerja Sulh bagi bidang Kewangan Islam- Bab 1</i>

<p><b>BAB 2 – OBJEKTIF</b> Berpandukan peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (<i>Sulh</i>) setiap negeri maka diperbuat di bawah ini Manual Kerja <i>Sulh</i> untuk diguna pakai dan dipatuhi oleh Pegawai <i>Sulh</i>.</p>	<p><i>Simulasi menggunakan kes Lim Kok Hoe v Bank Islam Malaysia Berhad (1994) dalam menyelesaikan permasalahan kes ini mengikut Kaedah / Majlis Sulh. Sama seperti Cadangan Manual Kerja Sulh bagi bidang Kewangan Islam- Bab 2</i></p>																					
<p><b>BAB 3 – DEFINISI</b></p> <table border="1" data-bbox="193 864 783 1608"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Istilah</th> <th>Pengertian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Majlis Sulh</td> <td>Majlis perbincangan bersama di antara Plaintiff dengan Defendan dengan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh mengikut Manual Kerja Sulh.</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Kaukus</td> <td>Pertemuan sebelah pihak bersama dengan Pegawai Sulh.</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Pihak-pihak</td> <td>Pihak Plaintiff / Pemohon dan/atau Pihak Defendan / Responden.</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Peta Konflik</td> <td>Satu mekanisme yang digunakan oleh Pegawai Sulh bagi mengenal pasti masalah dan punca masalah supaya langkah penyelesaian boleh dibuat.</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Perjanjian Penyelesaian</td> <td>Terma-terma persetujuan yang dicapai dalam Majlis Sulh.</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Laporan Majlis Sulh</td> <td>Laporan sebab-sebab kegagalan proses Sulh.</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Istilah	Pengertian	1	Majlis Sulh	Majlis perbincangan bersama di antara Plaintiff dengan Defendan dengan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh mengikut Manual Kerja Sulh.	2	Kaukus	Pertemuan sebelah pihak bersama dengan Pegawai Sulh.	3	Pihak-pihak	Pihak Plaintiff / Pemohon dan/atau Pihak Defendan / Responden.	4	Peta Konflik	Satu mekanisme yang digunakan oleh Pegawai Sulh bagi mengenal pasti masalah dan punca masalah supaya langkah penyelesaian boleh dibuat.	5	Perjanjian Penyelesaian	Terma-terma persetujuan yang dicapai dalam Majlis Sulh.	6	Laporan Majlis Sulh	Laporan sebab-sebab kegagalan proses Sulh.	<p><i>Simulasi menggunakan kes Lim Kok Hoe v Bank Islam Malaysia Berhad (1994) dalam menyelesaikan permasalahan kes ini mengikut Kaedah / Majlis Sulh. Sama seperti Cadangan Manual Kerja Sulh bagi bidang Kewangan Islam- Bab 3</i></p>
Bil.	Istilah	Pengertian																				
1	Majlis Sulh	Majlis perbincangan bersama di antara Plaintiff dengan Defendan dengan dipengerusikan oleh Pegawai Sulh mengikut Manual Kerja Sulh.																				
2	Kaukus	Pertemuan sebelah pihak bersama dengan Pegawai Sulh.																				
3	Pihak-pihak	Pihak Plaintiff / Pemohon dan/atau Pihak Defendan / Responden.																				
4	Peta Konflik	Satu mekanisme yang digunakan oleh Pegawai Sulh bagi mengenal pasti masalah dan punca masalah supaya langkah penyelesaian boleh dibuat.																				
5	Perjanjian Penyelesaian	Terma-terma persetujuan yang dicapai dalam Majlis Sulh.																				
6	Laporan Majlis Sulh	Laporan sebab-sebab kegagalan proses Sulh.																				
<p><b>BAB 4 - KENYATAAN AWAL(AL TA'ARRUF) PEGAWAI SULH</b> a) Pegawai <i>Sulh</i> selaku Pengerusi Majlis <i>Sulh</i> hendaklah meminta pihak-pihak mengambil tempat masing - masing. b) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memulakan majlis dengan memperkenalkan diri, membaca surah al-Fatihah dan doa yang disarankan. c) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memaklumkan pihak-pihak berkenaan tentang prosedur yang dipakai, sambil menimbulkan keyakinan pihak-pihak kepada proses <i>Sulh</i> dan kepada diri Pegawai <i>Sulh</i>. Jika difikirkan perlu, galakkan kedua-dua pihak mengemukakan</p>	<p>(a) Pegawai <i>Sulh</i> selaku Pengerusi Majlis <i>Sulh</i> akan meminta pihak-pihak mengambil tempat masing - masing. (b) Pegawai <i>Sulh</i> akan memberi penerangan mengenai prosedur yang dipakai dan menggalakkan pihak yang terlibat mengemukakan sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai prosedur ini sebelum Kaedah <i>Sulh</i> dijalankan. (c-d) Pegawai <i>Sulh</i> akan menerangkan bahawa penyelesaian pertikaian mereka hendaklah dibuat secara sukarela berasaskan persetujuan mereka sendiri tanpa sebarang paksaan. (e) Pegawai <i>Sulh</i> akan memberi peluang kepada</p>																					

<p>soalan sehingga Pegawai <i>Sulh</i> yakin mereka benar-benar faham apa yang hendak dijalankan.</p> <p>d) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menyatakan bahawa matlamat <i>Sulh</i> adalah untuk mencapai penyelesaian pertikaian mereka secara sukarela berasaskan persetujuan mereka sendiri tanpa sebarang paksaan. Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menjelaskan perbezaan antara proses <i>Sulh</i> dengan kaedah-kaedah penyelesaian yang lain iaitu perundingan, timbang tara dan perbicaraan.</p> <p>e) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menggariskan peraturan <i>Sulh</i> yang mesti dipatuhi antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua pihak hendaklah bercakap mengikut giliran.</li> <li>• Apabila suatu pihak bercakap, pihak lain hendaklah mendengar dan memberi perhatian.</li> <li>• Apabila bercakap hendaklah dalam keadaan tenang dan tidak meninggikan suara.</li> <li>• Pihak-pihak hendaklah bercakap dan bertindak secara sopan dan tidak menyerang peribadi pihak lawan.</li> <li>• Pihak-pihak tidak boleh berkomunikasi secara langsung antara mereka kecuali dengan kehadiran Pegawai <i>Sulh</i>.</li> <li>• Pihak-pihak hendaklah membuat akujanji akan mematuhi peraturan- peraturan ini.</li> </ul> <p>f) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menggalakkan pihak-pihak bekerjasama dan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai penyelesaian secara damai.</p> <p>g) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menyatakan kepada pihak-pihak bahawa semua perkara yang dibincangkan dan dirundingkan di dalam Majlis <i>Sulh</i> ini adalah rahsia dan tidak akan didedahkan kepada sesiapaapun.</p> <p>h) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menyatakan niatnya kepada pihak-pihak untuk membuat catatan sepanjang Majlis <i>Sulh</i>.</p> <p>i) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menyatakan kepada pihak-pihak bahawa dia tidak boleh dipanggil di dalam mana-mana prosiding mahkamah berhubung dengan kes itu.</p>	<p><i>kedua-dua pihak untuk bercakap mengikut giliran, dalam keadaan tenang, hanya berbincang mengenai perkara ini dengan kehadiran pegawai Sulh dan hendaklah membuat akujanji akan mematuhi peraturan-peraturan ini.</i></p> <p><i>(f) Pegawai Sulh akan menggalakkan pihak-pihak bekerjasama dan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai penyelesaian secara damai.</i></p> <p><i>(g) Semua perkara yang dibincangkan dan dirundingkan di dalam Majlis Sulh ini adalah rahsia dan tidak akan didedahkan kepada sesiapaapun.</i></p> <p><i>(h) Pegawai Sulh akan melakukan catatan sepanjang Majlis Sulh berlangsung.</i></p> <p><i>(i) Kenyataan oleh Pegawai Sulh tidak boleh dipanggil di dalam mana-mana prosiding mahkamah berhubung dengan kes itu.</i></p>
<p><b>BAB 5 - PEMBENTANGAN AWAL PIHAK YANG BERTIKAI</b></p> <p>a) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah meminta Plaintiff/Pemohon membentangkan apa yang dipertikai olehnya, kesan yang timbul dan apa cadangan untuk menyelesaikannya.</p> <p>b) Pegawai <i>Sulh</i> kemudian hendaklah meminta Defendan / Responden membentangkan apa yang dipertikai olehnya, kesan yang timbul dan apa cadangan untuk menyelesaikannya.</p> <p>c) Setelah mendengar pembentangan kedua-dua pihak, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah membentuk satu peta konflik untuk mengenal pasti skop pertikaian antara kedua-dua pihak. Untuk tujuan itu, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah mengambil masa secukupnya dan tidak melakukannya dengan tergesa-gesa. Selain menyenaraikan perkara-perkara yang dipertikai oleh kedua-dua pihak dalam peta konflik itu, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah juga mengenal pasti sebab konflik itu timbul, halangan yang ada atau dirasakan ada kepada penyelesaian dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai</p>	<p><i>(a) Pegawai Sulh akan meminta pihak plaintiff (Lim Kok Hoe dan lain-lain) dan pihak defendan (BIMB) untuk membentangkan permasalahan yang timbul.</i></p> <p><i>(b) Permasalahan yang timbul di antara plaintiff dan defendan adalah isu kurang pemahaman dan timbul kekeliruan mengenai produk Bai Bithaman Ajil.</i></p> <p><i>(c) Setelah mendengar pernyataan yang diberikan oleh kedua-dua pihak, pegawai Sulh akan diberi masa yang cukup untuk membentuk sebuah peta konflik bagi mengenai pasti sebab konflik itu timbul, halangan yang ada dan tindakan yang perlu dilakukan untuk mencapai penyelesaian.</i></p> <p><i>(d) Maklumat yang diperolehi oleh pegawai Sulh akan disusun bagi menentukan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Isu yang perlu diselesaikan – isu produk Bai Bithaman Ajil Membebaskan pengguna dan isu Produk tersebut tidak mengikut prinsip-prinsip asas Islam.</i></li> <li>• <i>Kedudukan &amp; kepentingan plaintiff dan defendan – o (Plaintif adalah Lim Kok Hoe &amp; Defendan adalah BIMB) Dalam kontrak BBA, pelanggan (Plaintif)</i></li> </ul>

<p>penyelesaian berdasarkan pakar-pakar daripada Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara.</p> <p>d) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menyusun dan mengurus maklumat yang diperolehnya bagi menentukan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>*isu atau masalah yang perlu diselesaikan;</li> <li>*kedudukan pihak-pihak yang bertikai;</li> <li>*kepentingan mereka;</li> <li>*alternatif (opsyen) penyelesaian.</li> </ul>	<p>yang akan menjual harta atau aset kepada bank (Defendan) terlebih dahulu di bawah perjanjian pembelian hartanah. Harga pembelian bank itu akan menjadi jumlah yang diperlukan oleh pelanggan. Jumlah wang itu dipanggil jumlah kemudahan itu atau jumlah pembiayaan. Ia juga digambarkan sebagai harga pembelian bank.</p> <p><i>o</i> Dengan pembelian itu, maka harta itu adalah milik bank. Bank akan menjual tetapi harga jualan tidak akan menjadi jumlah yang sama dengan harga pembelian bank. Harga jualan akan termasuk keuntungan bank atas jualan, yang kemudiannya akan dikira dan ditambah kepada harga belian tersebut. Pelanggan kemudiannya akan membayar harga jualan bank itu dalam tempoh beberapa tahun secara ansuran bulanan. Pada ketika itu pelanggan menjadi pemilik harta tersebut kembali.</p>
<p><b>BAB 6 - PERBINCANGAN BERSAMA</b></p> <p>a) Setelah mendengar pembentangan awal kedua-dua pihak, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah meminta setiap pihak menyatakan pendapatnya tentang perkara yang dipertikaikan itu.</p> <p>b) Setelah mendengar pendapat setiap pihak, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menjelaskan penilaiannya berdasarkan peta konflik yang telah disediakan sebelum ini dan berbincang dengan penuh yakin tentang kekuatan dan kelemahan pihak-pihak dalam kes yang berkaitan dan memujuk mereka menerima penilaiannya.</p> <p>c) Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan pertikaian mereka sepenuhnya, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menyediakan satu deraf perjanjian penyelesaian yang merangkumi semua isu yang dipertikai</p> <p>d) Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan sebahagian besar pertikaian mereka, sambil rela menggugurkan selebihnya, Pegawai <i>Sulh</i> juga boleh menyediakan deraf perjanjian penyelesaian merangkumi perkara yang telah dipersetujui.</p> <p>e) Sekiranya kedua-dua pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan sebahagian dari pertikaian mereka sahaja, manakala selebihnya yang tidak berkenaan mereka menggugurkannya, Pegawai <i>Sulh</i> boleh menyediakan deraf perjanjian penyelesaian merangkumi perkara yang telah dipersetujui. Mengenai perkara selebihnya yang masih dipertikai, andainya masa untuk <i>Sulh</i> tidak ada lagi ataupun pihak-pihak berkenaan tidak mahu meneruskan <i>Sulh</i> (walaupun masa masih ada), Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah merujuk perkara-perkara tersebut kepada Pendaftar untuk dibawa terus ke mahkamah untuk dibicarakan.</p> <p>f) Kecuali Pegawai <i>Sulh</i> berpuas hati bahawa kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan secara sukarela, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memulakan pertemuan sebelah pihak.</p>	<p>(a-b) Pegawai <i>Sulh</i> akan menjelaskan penilaiannya berdasarkan peta konflik yang telah disediakan sebelum ini dan berbincang dengan pihak-pihak dalam kes.</p> <p>(c) Sekiranya pihak <i>Plaintif</i> dan <i>defendan</i> secara sukarela bersetuju menyelesaikan permasalahan mereka, pegawai <i>Sulh</i> akan menyediakan deraf perjanjian penyelesaian yang merangkumi semua isu yang dipertikaikan.</p> <p><input type="checkbox"/> Draf Perjanjian Penyelesaian yang disediakan oleh pegawai <i>Sulh</i> adalah berdasarkan infrastruktur undang-undang untuk memastikan bahawa perniagaan perbankan Islam yang dijalankan oleh pihak <i>defendan</i> tidak melibatkan apa-apa elemen yang tak diakui oleh Islam dan hendaklah merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah di bawah naungan Bank Negara Malaysia bagi memastikan operasi produk perbankan Islam berlandaskan Syariah.</p> <p>(d-e) Sekiranya tempoh majlis <i>Sulh</i> hampir tamat (hampir 3 bulan) dan <i>plaintif</i> dan <i>defendan</i> tidak mahu teruskan dengan kaedah ini, (walaupun masa masih ada), Pegawai <i>Sulh</i> akan merujuk perkara-perkara tersebut kepada Pendaftar untuk dibawa terus ke mahkamah untuk dibicarakan.</p> <p>(f) Kecuali Pegawai <i>Sulh</i> berpuas hati bahawa kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan secara sukarela, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memulakan pertemuan sebelah pihak.</p>

<p><b>BAB 7 - PERTEMUAN SEBELAH PIHAK (KAUKUS)</b></p> <p>a) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menjalankan pertemuan sebelah pihak mengikut giliran yang ditetapkan. Plaintiff / Pemohon hendaklah dipanggil dahulu diikuti oleh pihak Defendan / Responden.</p> <p>b) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memperkasakan setiap pihak untuk mengemukakan kes dan cadangan penyelesaiannya.</p> <p>c) Jika mana-mana pihak tidak mampu mengemukakan kesnya secara jelas kerana sebab-sebab tertentu seperti tidak cukup maklumat, tidak memahami secara jelas perjanjian yang telah dibuat, tidak mahir berkomunikasi atau ada kekurangan tertentu, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah bertindak sewajarnya untuk menyeimbangkan keadaan.</p> <p>d) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kes setiap pihak dan memaklumkan mereka supaya lebih bersedia untuk bertolak ansur.</p> <p>e) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah mencari ikhtiar penyelesaian dengan menggunakan pelbagai teknik, antaranya seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanya atau minta cadangan dari pihak-pihak dan juga merujuk kepada <i>Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara</i>.</li> <li>• Nyatakan semula secara terperinci dan tersusun masalah yang dihadapi, supaya lebih mudah dikenal pasti dan difahami. Nyatakan ia sebagai satu “masalah bersama”, tanpa meletakkan kesalahan (blame) pada mana-mana pihak.</li> <li>• Berasaskan peta konflik yang diwujudkan itu, lakukan sumbang saran (brainstorming) iaitu mengumpulkan semua ide penyelesaian tanpa mengambil kira merit atau kesesuaiannya.</li> <li>• Pada masa tertentu Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah mendiamkan diri, bagi menggalakkan pihak-pihak berkenaan berusaha lebih bersungguh-sungguh menjana idea mereka sendiri.</li> <li>• <i>Idea yang dijanakan oleh pihak-pihak berkenaan hendaklah berlandaskan prinsip Syariah dan Akta Perundangan yang berkaitan dengan Kewangan Islam.</i></li> </ul> <p>f) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah berlaku adil dan sama rata dalam memperuntukkan masa kaukus.</p>	<p>(a-b) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menjalankan pertemuan sebelah pihak mengikut giliran yang ditetapkan. Pegawai <i>Sulh</i> akan memperkasakan setiap pihak untuk mengemukakan kes dan cadangan penyelesaiannya.</p> <p>(c) Jika mana-mana pihak tidak memahami secara jelas perjanjian yang telah dibuat, tidak mahir berkomunikasi atau ada kekurangan tertentu, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah bertindak sewajarnya untuk menyeimbangkan keadaan.</p> <p>(e) Pegawai <i>Sulh</i> akan mencari ikhtiar penyelesaian dengan menggunakan pelbagai teknik, antaranya seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanya atau minta cadangan dari Pihak plaintif dan defendan serta juga merujuk kepada <i>Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara</i>.</li> <li>• Berasaskan peta konflik yang telah disediakan, pegawai <i>Sulh</i> akan mengumpulkan semua ide penyelesaian tanpa mengambil kira merit atau kesesuaiannya.</li> <li>• <i>Idea yang dijanakan oleh pihak-pihak berkenaan hendaklah berlandaskan prinsip Syariah dan Akta Perundangan yang berkaitan dengan Kewangan Islam.</i></li> </ul> <p>(f) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah berlaku adil dan sama rata dalam memperuntukkan masa kaukus.</p>
<p><b>BAB 8 - PERUNDINGAN BERSAMA</b></p> <p>a) Selepas pertemuan sebelah pihak (kaukus) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah mengundang kedua-dua pihak untuk berbincang dalam sesi perundingan secara langsung antara satu sama lain. Matlamat perundingan bersama ini ialah mencapai penyelesaian secara damai berasaskan persetujuan kedua-dua pihak secara sukarela.</p> <p>b) Sekiranya perundingan bersama pusingan pertama atau pusingan awal belum mendatangkan hasil yang diharapkan, manakala Pegawai <i>Sulh</i> masih yakin penyelesaian secara damai bukan satu perkara yang mustahil, Pegawai <i>Sulh</i> boleh memulakan pusingan</p>	<p>(a) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah mengundang kedua-dua pihak untuk berbincang dalam sesi perundingan secara langsung antara satu sama lain.</p> <p>(b) Sekiranya perundingan bersama pusingan pertama atau pusingan awal belum mendatangkan hasil yang diharapkan, Pegawai <i>Sulh</i> akan memulakan pusingan kedua dan seterusnya pertemuan sebelah pihak diikuti dengan perundingan bersama.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Pegawai <i>Sulh</i> akan membuat rumusan secara menyeluruh berkenaan pertikaian yang berlaku:</li> <li><input type="checkbox"/> Keuntungan dalam kontrak BBA berbeza dengan faedah yang timbul dalam transaksi pinjaman</li> </ul>



<p>kedua dan seterusnya pertemuan sebelah pihak diikuti dengan perundingan bersama.</p>	<p><i>konvensional.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>□ <i>BBA sebenarnya merupakan transaksi dagangan. Selanjutnya, perbandingan di antara kontrak BBA dan perjanjian pinjaman konvensional adalah tidak relevan dan tidak berfaedah memandangkan undang-undang yang digunapakai dalam kontrak BBA bersamaan dengan undang-undang yang digunapakai dalam perjanjian pinjaman konvensional.</i></li> <li>□ <i>Istilah 'Islamic banking business' di bawah s 2 Akta Perbankan Islam 1983 ('Akta') – tidak bermaksud perniagaan perbankan yang tujuan dan operasinya diakui oleh keempat-empat mazhab.</i></li> <li>□ <i>Perniagaan perbankan Islam hendaklah tidak melibatkan apa-apa elemen yang tak diakui oleh Islam dan apa-apa perjanjian sebegini hendaklah berlandaskan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah di bawah naungan Bank Negara Malaysia.</i></li> <li>□ <i>Matlamat perundingan bersama ini ialah mencapai penyelesaian secara damai berasaskan persetujuan kedua-dua pihak secara sukarela.</i></li> </ul>
<p><b>BAB 9 - PENGHAKIMAN BERASASKAN PERSETUJUAN</b></p> <p>a) Di akhir prosedur <i>Sulh</i> ini, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memutuskan sama ada <i>Sulh</i> yang dijalankan ini berjaya sepenuhnya ataupun tidak.</p> <p>b) Sekiranya <i>Sulh</i> berjaya, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menderaf satu Perjanjian Penyelesaian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.</p> <p>c) Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memastikan bahawa Perjanjian Penyelesaian itu <i>tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan prinsip Syariah, Akta Perundangan yang berkaitan dengan Kewangan Islam dan juga Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara.</i></p> <p>d) Pegawai <i>Sulh</i> boleh membenarkan mana-mana pihak merujuk kepada peguam masing-masing deraf Perjanjian Penyelesaian sebelum mereka menandatangani. Dalam pada itu Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah menasihatkan pihak berkenaan supaya jangan mengubah persetujuan mereka kerana dipengaruhi sebaliknya oleh peguam mereka.</p> <p>e) Setelah Perjanjian Penyelesaian ditandatangani oleh kedua-dua pihak di hadapan Pegawai <i>Sulh</i> perjanjian itu hendaklah disampaikan kepada Hakim supaya satu penghakiman berasaskan persetujuan boleh dibuat olehnya.</p>	<p><i>(a-c) Di akhir prosedur Sulh ini, Pegawai Sulh akan merumuskan draf perjanjian penyelesaian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan perjanjian tersebut hendaklah tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan prinsip Syariah, Akta Perundangan yang berkaitan dengan Kewangan Islam dan juga Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara.</i></p> <p><i>(d) Pegawai Sulh boleh membenarkan mana-mana pihak merujuk kepada peguam masing-masing deraf Perjanjian Penyelesaian sebelum mereka menandatangani.</i></p> <p><i>(e) Selesai Perjanjian Penyelesaian ditandatangani oleh kedua-dua pihak di hadapan Pegawai Sulh, perjanjian itu akan disampaikan kepada Hakim supaya satu penghakiman berasaskan persetujuan boleh dibuat olehnya.</i></p>

<p><b>BAB 10 - KES DISERAHKAN KEMBALI</b>          Sekiranya penyelesaian sepenuhnya tidak dicapai tetapi kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan sebahagian sahaja pertikaian mereka, Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah memastikan apakah mereka mahukan perkara-perkara yang disetujui itu direkodkan dalam satu Perjanjian Penyelesaian, manakala selebihnya diserahkan kembali kepada mahkamah untuk dibicarakan ataupun keseluruhan kes itu diserahkan kembali untuk pengadilan.</p>	<p><i>Jika kedua-dua pihak hanya bersetuju menyelesaikan sebahagian sahaja pertikaian mereka, Pegawai Sulh akan merekod perkara-perkara yang disetujui dalam satu Perjanjian Penyelesaian.</i></p> <p><i>Selebihnya diserahkan kembali kepada mahkamah untuk dibicarakan ataupun keseluruhan kes itu diserahkan kembali untuk pengadilan.</i></p>
<p><b>BAB 11 – KERAHSIAAN</b>          Pegawai <i>Sulh</i> hendaklah merahsiakan segala perkara yang dibangkitkan dalam Majlis <i>Sulh</i> dan tidak boleh mendedahkannya kepada mana-mana pihak termasuklah mahkamah selepas Majlis <i>Sulh</i> selesai, sama ada ia berjaya atau sebaliknya, kecuali setakat mana yang dibenarkan oleh Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (<i>SULH</i>).</p>	<p><i>Segala perkara yang dibangkitkan dalam Majlis Sulh dan tidak boleh mendedahkannya kepada mana-mana pihak termasuklah mahkamah selepas Majlis Sulh selesai.</i></p>

Seperti yang diberikan dalam simulasi kes-kes *sulh* ini, cadangan Manual Kerja *Sulh* bagi bidang kewangan Islam boleh diaplikasikan dalam menyelesaikan permasalahan atau pertikaian yang dihadapi oleh pihak-pihak yang berkenaan tanpa perlu melalui proses pengadilan di mahkamah ataupun melalui kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang lain. Hasil daripada simulasi yang dilakukan ini menunjukkan bahawa kelebihan-kelebihan kaedah *sulh* dalam menyelesaikan pertikaian yang berkaitan kewangan Islam dapat dilihat dari empat sudut.

Sudut yang pertama adalah pertikaian yang timbul boleh disuarakan oleh pihak-pihak yang terlibat itu sendiri tanpa melalui wakil atau peguam. Merujuk kepada Bab 7 - kaedah kaukus, dalam sesi perundingan hendaklah dilakukan dengan pihak-pihak berkonflik hadir dalam satu forum yang sama dengan andaian maklumat yang disampaikan mestilah telus. Perbincangan secara sebalah pihak tidak digalakkan. Dalam Majlis *Sulh*, kaukus digalakkan kerana ia boleh memberi lebih banyak maklumat kepada pegawai *sulh* untuk memahami situasi konflik dan seterusnya menyediakan alternatif penyelesaian kepada konflik. Ia bersesuaian dengan budaya dan adat resam Melayu yang walaupun pihak-pihak berkonflik sudah berpisah, perasaan hormat kepada pihak-pihak ini masih ada. Oleh itu untuk mendapatkan maklumat lebih banyak maka perundingan secara berasingan diperlukan.

Sudut yang kedua pula pegawai *sulh* akan menyediakan sebuah peta konflik dan draf perjanjian penyelesaian yang berlandaskan prinsip syariah dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara. Seterusnya, sudut yang ketiga adalah penyelesaian yang dicapai hendaklah dipersetujui secara sukarela oleh pihak plaintif dan defendan. Sekiranya tiada persetujuan dapat diperoleh daripada pihak-pihak berkenaan dan tempoh kaedah atau Majlis *Sulh* ini hampir tamat (hampir 3 bulan), pegawai *sulh* akan membawa perkara tersebut ke mahkamah untuk dibicarakan.

Akhir sekali, dari aspek sudut yang keempat adalah penyelesaian yang dicapai secara sukarela oleh pihak plaintif dan defendan akan termaktub dalam perjanjian penyelesaian dan akan ditandatangani di hadapan pegawai *sulh*. Perjanjian tersebut akan disampaikan kepada

hakim supaya penghakiman berasaskan persetujuan akan dikeluarkan dan direkod untuk simpanan fail mahkamah.

## KESIMPULAN

Merujuk kepada keputusan yang diperoleh daripada kaedah analisis kandungan dokumen dan kaedah pemerhatian ini, maka bolehlah disimpulkan bahawa adaptasi pengamalan kaedah *sulh* dalam menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan produk kewangan Islam boleh dan bakal membuka jalan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang baru bagi memenuhi tuntutan pasaran kewangan Islam di Malaysia. Ini adalah kerana berasaskan kejayaan dalam bilangan peratusan kes-kes yang berjaya diselesaikan dan juga kebanyakan kes-kes *sulh* ini meliputi elemen-elemen muamalat (contohnya harta sepencarian, nafkah, pembahagian harta yang jumlah sedikit dan lain-lain) dalam pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat.

Secara keseluruhannya amalan kaedah *sulh* di Selangor tidak jauh berbeza dengan amalan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif lain yang diamalkan sekarang. Penemuan-penemuan yang telah diperoleh daripada hasil laporan kaedah pemerhatian pula menjelaskan pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam kaedah *sulh* dapat menyelesaikan segala pertikaian yang berkaitan dengan aspek kekeluargaan.<sup>40</sup> Segala langkah-langkah yang diambil dalam kaedah *sulh* bagi menyelesaikan pertikaian dalam hal-hal keluarga telah meringankan beban pihak-pihak yang terlibat dan juga pihak mahkamah (dalam aspek masa, kos dan mencapai persetujuan bersama). Pertikaian yang sering diselesaikan melalui kaedah *sulh* adalah pertikaian yang berkaitan dengan soal kewangan iaitu hak penjagaan anak, nafkah isteri dan keluarga dan harta sepencarian. Walau bagaimanapun kaedah *sulh* tidak menghadkan jenis-jenis pertikaian untuk diselesaikan. Apa-apa pertikaian yang dihadapi oleh parti-parti yang terlibat dan berhasrat untuk menyelesaikannya dalam masa yang singkat boleh melalui kaedah ini. Sekali gus menyokong kesimpulan bahawa kaedah *sulh* turut boleh diadaptasikan dalam menyelesaikan segala pertikaian yang berkaitan dengan bidang kewangan Islam. Dengan ini, mencadangkan kaedah perundangan alternatif yang sesuai iaitu kaedah *sulh* dalam menyelesaikan masalah seiring dengan perkembangan kewangan Islam dapat dipenuhi.

## Nota

<sup>1</sup> R. Pound, *Social Justice and Legal Justice*. New York: Mo. Bar Ass'n Proc, 1912.

<sup>2</sup> R. Pound, The Limits of Effective Legal Action. *The International Journal of Ethics* 27 (2). (1917): 150-167.

<sup>3</sup> J.H. Cohen, Commercial Arbitration-Its Scope and Limitations. *Yale L.J* (1921), 147-160 31(commercial arbitration and the New York statute): 4-8. 11-12.

<sup>4</sup> J.S. Auerbach, *Justice without Law?* New York: Oxford University Press, 1983.

<sup>5</sup> J.S. Auerbach, *Justice without Law?* New York: Oxford University Press, 1983.

<sup>6</sup> Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain dan Adnan Yusoff, Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran. 25 *KANUN* (1). June 2013: 83-106.

<sup>7</sup> (1994) 3 CLJ 735.

<sup>8</sup> seksyen 24 (4) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

<sup>9</sup> Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain dan Adnan Yusoff. 2013. Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran. 25 *KANUN* (1). June 2013: 83-106.

<sup>10</sup> seksyen 24A (2) (a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

<sup>11</sup> seksyen 24A (2) (b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

<sup>12</sup> seksyen 24A (2) (c) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

<sup>13</sup> Seksyen 24A Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

- <sup>14</sup> Raihanah Azahari, *Sulh Dalam Perundangan Islam*. Kertas Kerja *Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII*. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 29 Januari, 2005.
- <sup>15</sup> Salleh Buang, Kertas Kerja *Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan*. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam, 2002.
- <sup>16</sup> Sahih Al-Bukhari, Vol. 3, pp. 533. Eng. Tr. By Muhammad Muhsin Khan (Dar Al Arabia, Beirut).
- <sup>17</sup> Syed Khalid Rashid, Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law *the Vindobona journal of international commercial law and arbitration* 8(1): 95-118, 2004.
- <sup>18</sup> Syed Khalid Rashid, The Importance of Teaching and Implementing Adr in Malaysia [2000] 1 ILR, i, at p iv.
- <sup>19</sup> Syed Khalid Rashid, The Importance of Teaching and Implementing Adr in Malaysia [2000] 1 ILR, i, at p iv.
- <sup>20</sup> Nora Abdul Hak, Hakam/Tahkim (Arbitration) in Resolving Family Disputes: The Practice in the Syariah Courts of Malaysia and Singapore. *Asia Journal of International Law* (1): 43-71, 2006.
- <sup>21</sup> Portal esyariah <http://www.esyariah.gov.my/> sepertimana diakses pada tarikh 28 Disember 2015.
- <sup>22</sup> Mohamad Ridzuan Zainudin, Antara *Sulh* Dan Mediasi Yang Mana Dekat Dihati. Muzakarah Pegawai-Pegawai *Sulh* Seluruh Malaysia (Kali Pertama) Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. 15-17 Mac 2009.
- <sup>23</sup> Su'aida Safei, Majlis *Sulh* (Islamic Mediation) in the Selangor Syariah Court and Malaysian Mediation Centre of the Bar Council: A Comparative Study. *Malayan Law Journal Articles* [2009] 5 MLJ lxxxiii : lxxxiii-ciii.
- <sup>24</sup> Anon, *Sulh* Produk Baru Mahkamah Syariah. *Berita Harian*, 17 September 2002.
- <sup>25</sup> Penyelia Statistik Mesyuarat Pegawai *Sulh* JAKESS.
- <sup>26</sup> Mohamad Ridzuan Zainudin, Antara *Sulh* Dan Mediasi Yang Mana Dekat Dihati. Muzakarah Pegawai-Pegawai *Sulh* Seluruh Malaysia (Kali Pertama) Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. 15-17 Mac 2009.
- <sup>27</sup> Siti Noraini Mohd. Ali. & Zulkifli Hasan, Pelaksanaan *Sulh* Dan Keberkesanannya Di Mahkamah Syariah Selangor. *Diskusi Syariah dan Undang-undang Siri ketiga*, 2006, hlm 77-100.
- <sup>28</sup> U.A. Oseni, Shari'ah Court-Annexed ADR: The Need for Effective Dispute Management in Waqf, Hibah and Wasiyyah Cases in Malaysia. 14th Annual Conference of the Shari'ah Legal Officers of Malaysia. Anjuran Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, Department of Civil Law. 19 - 21 November 2012.
- <sup>29</sup> Shariff 1998, Ayub et al 2007, Thani & Othman 2008, Jabbar 2009, Hasan & Asutay 2011, Rusni Hassan 2011, Tun Abdul Hamid Mohamad 2011, Ruzian Markom et al 2012, Trakic & Tajuddin 2012.
- <sup>30</sup> Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain dan Adnan Yusoff. 2013. Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran. *25 KANUN (1)*. June 2013: 83-106.
- <sup>31</sup> The Malaysian Judiciary Yearbook 2013, The Malaysian Judiciary Yearbook 2014.
- <sup>32</sup> Hizri Hasshan, Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure (Litigasi Kewangan Islam: Permasalahan di dalam Struktur Mahkamah Sivil Malaysia). (2016) *20 JUUM* 33 – 42.
- <sup>33</sup> Tun Ariffin Zakaria, A Judicial Perspective on Islamic Finance Litigation in Malaysia, *IJUM Law Journal*. (2013) *21 IJUM* 143 at p 178.
- <sup>34</sup> Raihanah Azahari, *Sulh Dalam Kes Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2008.
- <sup>35</sup> Raihanah Azahari, *Sulh Dalam Kes Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2008.
- <sup>36</sup> Sharifah Zaleha Hassan, Women, Divorce and Islam in Kedah. . *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 1(2): 183-198, 1986.
- <sup>37</sup> Raihanah Azahari, *Sulh Dalam Kes Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008.
- <sup>38</sup> Nik Roslina Raja Ismail, Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Kes Berhubung Perceraian Serta Keckerapan Penangguhan Kes-Kes Di Antara Mahkamah Syariah Dan Sivil. Modul Praktikum. Intan, 1999.
- <sup>39</sup> (2009) 6 MLJ 839.
- <sup>40</sup> Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003 – Pendaftaran Kes-kes Muamalat di Mahkamah (Kod Pengelasan) & Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 – Penentuan Kes yang Perlu Dirujuk Ke Majlis *Sulh* Pada Peringkat Pendaftaran Kes.

## RUJUKAN

- Anon. 2002. Manual Kerja *Sulh*, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Anon. 2002. *Sulh* Produk Baru Mahkamah Syariah. *Berita Harian*, 17 September 2002.
- Anon. 2013. The Malaysian Judiciary Year Book 2013.
- Anon. 2014. The Malaysian Judiciary Year Book 2014.

- 
- Auerbach, J. S. 1983. *Justice without Law?* New York: Oxford University Press.
- Ayub, Z. A., Hussain, M. A., Shariff, N. A. & Ali, D. H. 2007. Harmonizing Civil Litigation with Syariah Litigation in Islamic Banking: Malaysian Experience. (2007) 2 *CLJ* ix.
- Cohen. J. H. 1921. The Law of Commercial Arbitration and the New York Statute, 31 *Yale L.J.* (1921): 147-160.
- Nur Khalidah Dahlan. 2016. Pengadilan Tanpa Perbicaraan Mahkamah: Suatu Analisis Dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran Kewangan Islam Di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan, Z. & Asutay, M. 2011. An Analysis of the Courts' Decisions on Islamic Finance Disputes. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 3 (2): 41-71.
- Hizri Hasshan 2016. Islamic Finance Litigation: Problems within the Malaysian Civil Courts Structure (Litigasi Kewangan Islam: Permasalahan di dalam Struktur Mahkamah Sivil Malaysia). (2016) 20 *JUUM* 33 – 42.
- Jabbar, H. S. F. A. 2009. The Sharia Supervisory Board of Islamic Financial Institutions: A Case for Governance. *Company Lawyer* 30 : 243-248.
- Mohamad Ridzuan Zainudin. 2009. Antara *Sulh* Dan Mediasi Yang Mana Dekat Dihati. Muzakarah Pegawai-Pegawai *Sulh* Seluruh Malaysia (Kali Pertama) Anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. 15-17 Mac 2009.
- Nik Roslina Raja Ismail. 1999. Kajian Perbandingan Mengenai Jangkamasa Yang Diambil Untuk Menyelesaikan Kes Berhubung Perceraian Serta Keckerapan Penangguhan Kes-Kes Di Antara Mahkamah Syariah Dan Sivil. modul praktikum. Intan.
- Nora Abdul Hak. 2006. Hakam/Tahkim (Arbitration) in Resolving Family Disputes: The Practice in the Syariah Courts of Malaysia and Singapore. *Asia Journal of International Law* (1): 43-71.
- Oseni, U. A. 2012. Shari'ah Court-Annexed ADR: The Need for Effective Dispute Management in Waqf, Hibah and Wasiyyah Cases in Malaysia. 14th Annual Conference of the Shari'ah Legal Officers of Malaysia. Anjuran Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, Department of Civil Law. 19 - 21 November 2012.
- Pound, R. 1912. *Social Justice and Legal Justice*. New York: Mo. Bar Ass'n Proc.
- Pound, R. 1917. The Limits of Effective Legal Action. *The International Journal of Ethics* 27 (2). (1917): 150-167.
- Raihanah Azahari. 2005. *Sulh* Dalam Perundangan Islam. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 29 Januari.
- Raihanah Azahari. 2008. *Sulh Dalam Kes Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rusni Hassan. 2011. Syariah Compliance Process in Malaysian Islamic Banking. (2011) 5 *MLJ* ixix : ixix-xcvii.
- Rusni Hassan, Mohammad Azam Hussain dan Adnan Yusoff. 2013. Penubuhan dan Bidang Kuasa Mahkamah Muamalat di Malaysia: Isu dan Cabaran. 25 *KANUN* (1). Jun 2013: 83-106.
- Ruzian Markom, Pitchay, S. A., Zainol, Z. A., Rahim, A. A. & Merican, R. M. A. R. 2012. Adjudication of Islamic Banking and Financial Laws in the Civil Courts of Malaysia. *European Journal Law and Economics* 36(1): 1-34.
- Salleh Buang. 2002. Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam.
- Sharifah Zaleha Hassan. 1986. Women, Divorce and Islam in Kedah. *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 1(2): 183-198.

- 
- Shariff, M. I. 1998. The Development of Islamic Banking Law in Malaysia. (1998) *1 MLJ* cxiv.
- Siti Noraini Mohd. Ali. & Zulkifli Hasan. 2006. Pelaksanaan *Sulh* Dan Keberkesanannya Di Mahkamah Syariah Selangor. *Diskusi Syariah dan Undang-undang Siri ketiga*, hlm. 77-100.
- Su'aida Safei. 2009. Majlis *Sulh* (Islamic Mediation) in the Selangor Syariah Court and Malaysian Mediation Centre of the Bar Council: A Comparative Study. *Malayan Law Journal Articles* [2009] 5 MLJ lxxxiii : lxxxiii-ciii.
- Syed Khalid Rashid. 2000. The Importance of Teaching and Implementing ADR in Malaysia [2000] *1 Industrial Law Report*.
- Syed Khalid Rashid. 2004. Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law *the Vindobona journal of international commercial law and arbitration* 8(1): 95-118.
- Thani, N. N. & Othman, A. 2008. *Global Legal Issues in Islamic Finance*. . Kuala Lumpur: Islamic Financial services Board.
- Tun Abdul Hamid Mohamad. 2011. Malaysian as an Islamic Financehub: Malaysian Law as the Law of Reference & Malaysian Courts as the Forum for Settlement of Disputes. 12th Emeritus Prof. Ahmad Ibrahim Memorial Lecture Anjuran Bank Negara., 7 Disember 2011.
- Tun Ariffin Zakaria. 2013. A Judicial Perspective on Islamic Finance Litigation in Malaysia, *IIUM Law Journal*. (2013) 21 *IIUMLJ* 143.
- Trakic, A. & Tajuddin, H. H. A. 2012. *Islamic Banking & Finance : Principles, Instruments & Operations*. MCLJ Publication Sdn Bhd.

Dr. Nur Khalidah Dahlan  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Emel: [nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my](mailto:nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my)

Profesor Madya Dr. Mohd. Rizal Palil  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Emel: [mr\\_palil@ukm.edu.my](mailto:mr_palil@ukm.edu.my)

Profesor Dato' Dr. Noor Inayah Yaakub  
Universiti Selangor  
Selangor

Profesor Dr. Mohamad Abdul Hamid  
Kolej Universiti Insaniah  
Kedah